

## PELANCARAN PROGRAM PERTANIAN BANDAR DI BELURAN, SABAH



Beluran, 27 Jun – YB Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee telah merasmikan dan seterusnya menyampaikan sumbangan bagi Projek Pertanian Bandar di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) kepada komuniti di Pekan, Beluran.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan menasaskan peruntukan sebanyak RM10 juta di bawah PENJANA. Peruntukan ini akan memanfaatkan 800 komuniti dan 12,000 penyertaan individu baharu dalam Program Pertanian Bandar.

Projek Pertanian Bandar merupakan projek yang membantu isi rumah meringankan kos sara hidup melalui pengeluaran sendiri bahan makanan melalui bimbingan Jabatan Pertanian.

Projek ini melibatkan penduduk di kawasan bandar dan pinggir bandar dengan kerjasama dan penglibatan pelbagai Jabatan dan dan Agensi yang berkaitan di peringkat Negeri dan Persekutuan.